

23 OGOS 2017

Bahana terima upah RM1,000

Bahana terima upah RM1,000

Pemandu lori ditahan bersama 74 ketulan mampat disyaki ganja

ALORSETAR - Taktik seorang pemandu lori menyorokkan dadah dalam ruangan khas di bahagian belakang tempat duduk kereta berjaya dikesan polis dalam sekatan jalan raya di Bukit Kayu Hitam, dekat sini, kelmarin.

Ketua Polis Kedah, Datuk Asri Yusoff berkata, lelaki berusia 30 tahun itu ditahan kira-kira jam 10.15 malam oleh sepasukan polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Kedah bersama pasukan Sekretariat Nukleus Narkotik.

"Lelaki yang bekerja sebagai pemandu lori menaiki kenderaan jenis Honda sebelum ditahan

INFO
• Dadah bernilai RM150,000 dirampas

dalam sekatan jalan raya oleh Agensi Kawalan Sempadan (Akssem) Bukit Kayu Hitam menghala ke Selatan.

"Melalui pemeriksaan lanjut, polis menemui dadah disyaki ganja bernilai RM150,000 disembunyikan dalam ruangan khas yang direka dalam kereta itu," katanya dalam sidang media di Pusat Media Kontinjen Kedah.

Turut hadir, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kedah, Senior Asisten Komisioner



Asri (dua, kanan) menunjukkan ketulan mampat disyaki dadah yang dirampas.

Mior Farid Al-Athrash Wahid.

Susulan itu, Asri berkata, pihaknya menahan pemandu

lori yang telah berkahwin dan belum memiliki anak untuk membantu siasatan berikutan penemuan ketulan

mampat ganja dalam kereta dinaikinya.

"Kita merampas 74 ketulan mampat disyaki ganja

dianggarkan seberat 75.5 kilogram (kg) dan kenderaan terbabit untuk tindakan lanjut," katanya.

"Katanya, hasil soal siasat, pemandu lori itu mendakwa dibayar upah RM1,000 untuk menyeludup masuk dadah dari Danok bagi pasaran Pulau Pinang.

"Setakat ini, lelaki berasal dari Sungai Petani mendakwa dia baru dua kali mengambil upah membawa masuk dadah melalui pintu sempadan," katanya.

Lelaki berkenaan ditahan reman selama tujuh hari sehingga 28 Ogos dan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.